

Debat Alam Sekitar IPT kekal berprestij selepas 20 tahun

Oleh Azrul Affandi Sobry
azrebb@bharu.com.my

PROSES melahirkan graduan berkualiti bukan sekadar memfokuskan kepada akademik semata-mata tetapi juga keterampilan serta keyakinan diri berdepan dengan dunia sebenar dan itu semua memerlukan kemahiran komunikasi yang tinggi. Justeru, pelbagai pendekatan digunakan untuk menyediakan peluang kepada penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) mengasah kemampuan dalam berkomunikasi seperti pertandingan debat.

Lantaran itulah, Pertandingan Debat Alam Sekitar antara IPT yang pada tahun ini genap 20 tahun usia penganjurannya terus sah menjadi pertandingan debat tertua dan paling mendapat sambutan, sama ada dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mahupun swasta (IPTS).

Menyorot sejarah penganjurannya ketika kali pertama dianjurkan secara tahunan pada 1991, hanya lapan universiti yang membabitkan diri dengan tujuh sesi perdebatan menerusi kaedah konvensional, iaitu menggunakan sistem kalah mati (empat perdebatan pada peringkat awal, dua separuh akhir dan satu akhir). Pertandingan tahunan pertama itu dimenangi Universiti Pertanian Malaysia (kini Universiti Putra Malaysia - UPM).

Pertandingan debat tahunan yang sebenarnya sudah pun dianjurkan pertama kali pada 1985 dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar dan Kementerian Pengajian Tinggi itu mendapat sambutan menggalakkan dengan pertambahan penyertaan lebih banyak universiti sehingga mencapai 22 IPT pada 2009.

Penyertaan menggalakkan itu didorong oleh pembabitan beberapa IPTS bermula 2003 selain pengenalan kepada kaedah debat terbuka dengan tambahan masa 12 minit diberikan untuk sesi yang mirip berbalas pantun sebelum sesi penggulungan.

Sistem yang mula diperkenalkan pada 1995 oleh Universiti Sains Malaysia (USM) dan mendapat persetujuan jawatankuasa mesyuarat itu dianjurkan di Universiti Utara Malaysia (UUM) yang menyaksikan sembilan perdebatan secara keseluruhan, iaitu enam pada peringkat awal dan suku akhir, dua pada peringkat separuh akhir serta pertandingan akhir.

Pertandingan debat yang menjurus kepada ala Parlimen mula diperkenalkan pada 2002 di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) untuk memberi peluang kepada generasi

muda IPT memahami tatasusila di Parlimen sekali gus membentuk mereka menjadi bakal wakil rakyat yang berdisiplin pada masa depan.

Universiti Malaya (UM) menjuarai pertandingan dengan konsep baru itu yang terus dikekalkan sehingga pertandingan tahun ini. Pada 2003, apabila penyertaan dibuka kepada IPTS, tiga universiti swasta mengambil bahagian iaitu Universiti Tenaga Nasional, Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Multimedia.


Perkembangan positif pertandingan debat paling popular dalam kalangan IPT itu dapat dilihat dengan penambahan jumlah pertandingan debat kerana bermula dengan hanya tujuh pertandingan pada 1991, ia melonjak kepada 85 pertandingan debat keseluruhan ketika penganjurannya tahun lalu.

Perlu diakui, meskipun sudah muncul beberapa pertandingan debat lain selepas 2000, ia tidak sedikitpun mengurangkan populariti Debat Alam Sekitar yang terus kekal berada dalam kelasnya tersendiri. Pelbagai isu yang menuntut kepada ketepatan fakta tidak boleh didebatkan sekadar berbekalkan retorik semata-mata.

Isu tempatan mahupun antarabangsa yang menjadi tajuk perdebatan memerlukan pembacaan, kajian dan penghayatan kesedaran dalam kalangan pendebat sebelum diterjemahkan dalam bentuk perbahasan kepada penonton. Debat Alam Sekitar juga banyak menyumbang kepada pendidikan dan pemupukan kesedaran terhadap isu alam sekitar.

Selama 20 tahun pertandingan itu dianjurkan, hanya tujuh universiti pernah menjulang kejuaraan dengan UIA paling banyak memenanginya iaitu sebanyak enam kali (1992, 2000, 2003, 2005, 2006 dan 2007), UM juara empat kali (1993, 1998, 2002 dan 2004), UPM juara tiga edisi (1991, 1994 dan 2009), USM juga tiga kali (1995, 1996 dan 1997) manakala Universiti Malaysia Sabah menang pada 1999, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2001 dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada 2008.

Ramai sebenarnya nama besar dan popular yang pernah terlibat sebagai peserta debat seperti Pegawai Khas Perdana Menteri, Prof Datuk Khairil Anas Jusoh dan dua personaliti televisyen iaitu Sayed Munawar Sayed Mustar dan Datin Norjuma Habib Muhamed. Debat Alam Sekitar turut melakar sejarah peribadi tersendiri kepada Chuari Selamat kerana sudah mengpergunakan 17 daripada 20 pertandingan akhir sejak ia mula diperkenalkan.



PASUKAN debat dari UIAM bersama hadiah yang dimenangi pertandingan debat alam sekitar peringkat IPT pada 2005.